



**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000  
Faksimile : 603-8891 3090  
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Kl.4 ( )  
Tarikh : Julai 2021

### **EDARAN MELALUI PORTAL JKT:**

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi  
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 26/2021 (27 JUN HINGGA 3 JULAI 2021)**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid 26/2021, sebanyak **585 kes** Demam Denggi dan tiada kes kematian dilaporkan, iaitu berlaku penurunan kes sebanyak **57 kes (8.9%)** berbanding minggu epid 25/2021 iaitu **642 kes** dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 3 Julai 2021 adalah sebanyak **14,081 kes** berbanding **54,391 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2020, iaitu berlaku penurunan sebanyak **74.1%** (40,310 kes). Perbandingan bilangan kes pada tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada **minggu epid 26/2021**, sebanyak **8 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **5 lokaliti** pada **minggu epid 25/2021**. Ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak **60.0% (3 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang aspek pencegahan dan pengawalan denggi.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.4 ( )  
Tarikh : Julai 2021

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.
6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,



**(OOI POH KEONG)**

Pengarah  
Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran,  
Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: YBhg. Dato' KP/JKT  
TKP(T)/JKT



**LAMPIRAN B****JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 25 DAN 26 MENGIKUT NEGERI  
TAHUN 2021**

Bil.	Negeri	Minggu Epid 25		Minggu Epid 26	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor	4	4	5	5
2.	Wilayah Persekutuan	1	1	1	1
3.	Sabah	0	0	2	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>8</b>

**BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME25/2021	ME26/2021
1.	MB Petaling Jaya	1	1
2.	MB Shah Alam	1	1
3.	MP Ampang Jaya	1	1
4.	MP Kajang	1	1
5.	MB Subang Jaya	0	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>5</b>